

# Siswa UMS tabur bakti di Kg Tambatuon

UB 16.11.16 A2

KOTA KINABALU: Siswa-siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) berpeluang mempelajari dan menghayati budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum di daerah pedalaman negeri Sabah melalui program komuniti kerja sosial ‘Dari Mahasiswa kepada Masyarakat’ yang dijayakan pelajar Kelab Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), baru-baru ini.

Program itu yang berlangsung selama tiga hari di Kampung Tambatuon, Kota Belud bukan sahaja memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana kehidupan bermasyarakat di kampung itu, malah pelajar turut berkesempatan menjalankan khidmat bakti

melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama penduduk kampung.

Pensyarah Kerja Sosial UMS Dr Peter Voo Siong berkata program itu dianjurkan bagi memberi pendedahan awal khususnya kepada pelajar program kerja sosial UMS dalam mendekatkan diri dengan masyarakat setempat, di samping memberi pengalaman kepada mereka untuk mengerah keringat dan menyumbang bakti kepada penduduk kampung.

“Melalui program ini, siswa UMS juga sebenarnya secara tidak langsung menjadi sumber inspirasi kepada anak-anak kampung dalam menghidupkan budaya sukarelawan seterusnya melahirkan generasi sukarelawan berminda kelas pertama.

“Saya difahamkan, sepanjang program ini berlangsung, siswa-siswi UMS turut mengadakan kerjasama bersama Jabatan Kesihatan bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk Kampung Tambatuon serta slot ceramah bersama Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pertanian Kota Belud.

“Kerjasama yang baik antara agensi kerajaan dengan mahasiswa ini adalah sesuatu yang patut dicontohi semua pihak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan Program Komuniti Kerja Sosial ‘Dari Mahasiswa kepada Masyarakat’ di Dewan Serbaguna Kg Tambatuon, Kota Belud.

Sementara itu, Pengarah Program Adila Ismail berkata program khidmat komuniti sebegini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar dalam menanam dan mengamalkan semangat perpaduan, permuafakatan dan interaksi dengan masyarakat sekeliling.

“Interaksi sosial ini penting untuk memberi impak kepada pembentukan sahsiah mahasiswa universiti sebagai satu ‘softskill’ yang perlu ada pada diri setiap pelajar.

“Diharap setiap ilmu dan input yang berguna sepanjang program ini dapat ditanam, dibaja dan dituai dengan sebaik-baiknya oleh warga Kampung Tambatuon dan siswa-siswi UMS yang terlibat dalam program ini,” katanya.



SISWA-siswi UMS bergambar kenangan bersama penduduk Kampung Tambatuon, Kota Belud.